

penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

SOALAN - SOALAN LAZIM (FAQ)

SKIM PEMBIAYAAN MUDAH JAYA (SPiM) DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

1. Apakah itu Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM) PENJANA ?

- **SPiM PENJANA** ialah kemudahan pembiayaan perniagaan patuh syariah yang bertujuan membantu usahawan Bumiputera dalam pelbagai sektor kecuali sektor pertanian dan penternakan yang terjejas akibat wabak pandemik Covid-19. Kemudahan ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek.
- Kemudahan ini adalah berbentuk bantuan pembiayaan perniagaan bagi modal kerja atau belanja mengurus sahaja.

2. Berapakah had pembiayaan SPiM PENJANA ?

- Had pembiayaan bermula RM500 Ribu sehingga RM1 Juta dengan kadar keuntungan 3.5% setahun.



3. Apakah tujuan pembiayaan SPiM PENJANA ?

- Tujuan pembiayaan adalah untuk membantu usahawan yang terjejas akibat pandemik Covid-19 untuk menampung modal kerja seperti berikut :
 - Kos operasi
 - Gaji pekerja,
 - Sewa premis,
 - Utiliti,
 - Lain-lain perbelanjaan mengurus.

4. Apakah industri yang diberikan keutamaan bagi SPiM PENJANA?

- Industri yang diberikan keutamaan adalah seperti berikut :
 - Perkhidmatan (Kolej Latihan/Institut Kemahiran adalah diberi keutamaan) (*Servicing Industry*)
 - Gaya hidup (*Life Style Industry*)
 - Makanan dan Minuman (*F&B Industry*)
 - Pembinaan (*Construction Industry*)
 - Automotif (*Automotive Industry*)

5. Bilakah ansuran bayaran balik pembiayaan SPiM PENJANA bermula ?

- Ansuran bayaran balik pembiayaan akan bermula pada bulan ketujuh (7) (*grace period 6 months*) selepas pengeluaran wang pembiayaan kepada usahawan oleh MARA. Sebagai contoh :
 - Syarikat ABC Sdn. Bhd. telah diluluskan pembiayaan sebanyak RM1 Juta dan pengeluaran wang oleh MARA kepada Syarikat ABC Sdn. Bhd. telah dibuat pada 30 Jun 2020. Syarikat ABC Sdn. Bhd. perlu membuat pembayaran ansuran pertama pembiayaan kepada MARA pada 31 Januari 2021.



6. Adakah SPiM PENJANA mensyaratkan sebarang bentuk jaminan atau cagaran (collateral) bagi permohonan pembiayaan ini ?

- Ya, pemohon perlu menyediakan pilihan jaminan atau cagaran seperti berikut :

i) Cagaran Hartanah yang mempunyai nilai Jualan Paksaan (Force Sales Value) hendaklah bernilai tidak kurang sepuluh peratus (10%) daripada jumlah pembiayaan yang dimohon;

Contoh : Syarikat ABC Sdn. Bhd. memohon pembiayaan RM1 Juta dan syarikat perlu mengemukakan cagaran hartanah dengan nilai jualan paksaan (force sales value) RM100,000.00.

atau

ii) Sekurang-kurangnya seorang penjamin berpendapatan tetap dan mempunyai pendapatan bulanan tidak kurang daripada tiga peratus (3%) daripada jumlah pembiayaan yang dimohon;

Contoh : Syarikat ABC Sdn. Bhd. memohon pembiayaan RM1 Juta dan syarikat perlu mengemukakan seorang penjamin atau lebih yang mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya RM30,000.00 sebulan (3% daripada jumlah pembiayaan yang dimohon).

atau

iii) Simpanan tetap berkonsep Islam (General Investment Account) yang berdasarkan 10% dari nilai pembiayaan;

Contoh : Syarikat ABC Sdn. Bhd. memohon pembiayaan RM1 Juta dan syarikat perlu mengemukakan simpanan tetap daripada Institusi Kewangan yang ditetapkan oleh MARA sejumlah RM100,000.00.

atau

iv) Jika syarat i, ii atau iii di atas tidak dapat dipenuhi maka **gabungan** antara syarat i,ii, atau iii dibenarkan untuk memenuhi syarat tersebut.

7. Apakah syarat-syarat asas kelayakan ?

- Syarikat berstatus Sdn Bhd bertaraf Bumiputera,
- Semua ahli lembaga pengarah mestilah berumur tidak melebihi 65 tahun,
- Melempi tapisan Carian Kredit,
- Mempunyai pengalaman / berpengetahuan dalam bidang perniagaan yang diceburi,
- Beroperasi 12 bulan ke atas atau telah mengikuti program pembangunan usahawan secara intensif anjuran MARA bagi perniagaan yang beroperasi kurang daripada 12 bulan,
- Bebas daripada senarai hitam MARA,
- Perniagaan Patuh Syariah, dan
- Mengambil perlindungan Takaful yang telah ditetapkan oleh MARA.

8. Apakah dokumen asas lain yang diperlukan bagi kemudahan ini?

- Dokumen asas yang diperlukan seperti berikut :
 - Laporan kewangan tahunan beraudit bagi perniagaan yang melebihi 12 bulan ke atas. Bagi syarikat yang tidak mempunyai laporan kewangan tahunan beraudit atas sebab-sebab tertentu maka diperlukan *management account* yang telah disahkan oleh Setiausaha Syarikat;
 - Dokumen pengenalan diri dan dokumen Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
 - Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.



9. Bagaimanakah cara untuk memohon ?

- Permohonan secara atas talian (online application) menerusi portal rasmi Majlis Amanah Rakyat (MARA) www.mara.gov.my

10. Berapa lama tempoh proses permohonan ?

- Proses permohonan akan mengambil masa selama 14 hari bermula daripada permohonan lengkap sehingga lulus.

11. Sekiranya syarikat telah menerima pembiayaan daripada mana-mana institusi atau agensi kewangan lain, adakah syarikat tersebut layak memohon kemudahan ini ?

- Ya, syarikat layak untuk memohon tertakluk kepada syarat-syarat asas kelayakan permohonan yang telah ditetapkan seperti Perkara 7.